


Ragamhias Dalam Manuskrip Melayu – Kitab-kitab Maulid



2017

RAGAMHIAS DALAM MANUSKRIP MELAYU – KITAB-KITAB MAULID

Salawati Hj Abdul Wahab
Profesor Madya Dr Ab Razak Karim
Dr Norazlin bt Hamidon
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
Kuala Lumpur

Email : salawati174@perak.uitm.edu.my

Di Alam Melayu, ketika sambutan majlis Maulidur Rasul umat Islam akan membaca kitab maulid iaitu sebuah karya yang dihasilkan bagi tujuan memuji Nabi Muhammad s.a.w. Kitab ini ditulis dalam tulisan Arab dan mempunyai hiasan pada bahagian-bahagian tertentu di dalamnya. Kitab maulid ini memberi impak besar dalam menaikkan lagi rasa sayang dan kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah s.a.w. Amalan baik ini adalah sempena hari Maulidur Nabi dengan melakukan kebaikan kepada fakir miskin dan melahirkan rasa kecintaan terhadap Baginda Rasulullah s.a.w. Kitab maulid mempunyai pelbagai ragam yang telah dihias indah dan berbeza ragam hiasnya antara satu sama lain. Kebanyakannya mempunyai ragam hias yang penuh warna dan motif tersendiri. Dalam tujuan hiasan, pelbagai motif bunga, daun atau geometrik digunakan. Kebanyakannya manuskrip-manuskrip ini berhias indah dengan gaya setempat. Selepas kedatangan Islam ke Alam Melayu telah mengubah corak penghasilan motif-motif hiasan. Ajaran Islam melarang pemaparan makhluk hidup atau apa sahaja yang menyamai ciptaan Tuhan. Biasanya manuskrip Melayu akan berhias indah dengan warna-warna berkilau terutamanya warna emas. Setiap hiasan yang dilakarkan pada manuskrip membawa maksud tersendiri dan berkaitan dengan kehidupan masyarakat setempat. Ragamhias manuskrip Melayu ini dihiasi dengan keindahan dan kehalusan seni Melayu yang tinggi nilai estetikanya.

Kata kunci :Ragam hias manuskrip Melayu, Kitab maulid

PENGENALAN TAJUK

Dalam bahasa Yunani, ‘illuminaire’ membawa maksud yang sama dengan ‘illumination’ atau illuminasi dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Perkataan itu membawa makna ‘menghiasi atau hiasan’ pada sesuatu karya seni. pengkarya seni perlu menghiasi karya seninya sebagai satu keperluan untuk mengisi kekosongan pada sesuatu permukaan bahan. Selain bagi tujuan untuk mengindahkannya, ragamhias juga mempunyai makna yang simbolik yang tersurat dan tersirat.

Manuskrip Melayu merupakan satu wadah warisan ilmu dari zaman ke zaman. Manuskrip Melayu adalah karya-karya yang bertulis tangan terutama sekali dalam tulisan Jawi atau Rumi berbahasa Melayu. Bahan yang digunakan untuk menghasilkan manuskrip adalah seperti kertas, kulit, daun, buluh, gading, kayu dan kain. Manuskrip Melayu yang dihasilkan seawal-awalnya pada akhir abad ke-15 atau dalam lingkungan abad ke-16 dan selewat-lewatnya pada awal abad ke-20.

Kesusasteraan Melayu dikatakan bermula pada pertengahan abad ke 13 . Hikayat Raja Pasai, merupakan manuskrip paling tua dan dihasilkan pada pertengahan abad ke 14.

Manuskrip agama seperti ‘sastera kitab’ (Gallop, 2002) telah dihasilkan di Nusantara selain daripada Al-Quran. Kitab yang biasa dihasilkan bagi tujuan memperingati Nabi Muhammad S.A.W. dan juga dikenali sebagai kitab Maulid Barzanji. Kitab maulid juga dihasilkan untuk mengingati kisah kelahiran baginda Rasulullah S.A.W.

Selain daripada manuskrip Al-Quran yang indah terdapat juga illuminasi juga seringkali ditemukan dalam karya-karya riwayat hidup Rasulullah dalam bahasa Arab yang biasanya disebut sebagai kitab maulid.

Kitab maulid adalah di antara seni kitab yang disimpan di kalangan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Penulisan kitab-kitab maulid ini dikatakan sentiasa ditambah dari masa semasa sehingga hari ini selagi ada pengikut-pengikut Nabi Muhammad SAW di muka bumi ini (Al-Faqir Ilallah Al - Qawiy Muhammad Fuad bin Kamaludin Al-Maliki. (2009).

Kitab-kitab ini akan dihiasi dengan ragam hias pada bahagian tertentu di dalam kitab. Dalam tujuan hiasan, pelbagai motif bunga, daun atau geometri digunakan. Ragam hias merupakan keperluan dalam karya seni bagi menghiasi kekosongan sebarang rekaletak. Setiap ragam hias yang digunakan mempunyai makna yang simbolik.

Menurut Al- Faqir Ilallah Al – Qawiy Muhammad Fuad bin Kamaludin Al-Maliki (2009), masyarakat di Nusantara telah memberikan penghormatan yang hampir sama kepada kitab ini dengan Al-Quran. Beliau telah menemui bahagian muqadimah kitab maulid ini bagi tujuan menjelaskan kedudukan kitab maulid barzanji tidak sama dengan membaca Al-Quran. Orang yang membaca Al-Quran mendapat pahala dari setiap huruf yang dibacanya sama ada difahami atau tidak. Orang yang membaca kitab maulid barzanji mendapat pahala bukan dari setiap huruf yang dibacanya tetapi amalannya membaca riwayat Rasulullah atau memujinya.

Kitab maulid ini memberi impak besar dalam menaikkan lagi rasa sayang dan kecintaan umat Islam terhadap Rasulullah S.A.W. Amalan baik ini adalah sempena hari Maulidur Nabi dengan melakukan kebaikan kepada fakir miskin dan melahirkan rasa kecintaan terhadap Baginda Rasulullah S.A.W.



Kitab Maulid (MSS2874)
Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.

Gambar 1 Contoh Kitab Maulid

CIRI-CIRI HIASAN DALAM MANUSKRIP

Adalah menjadi satu kewajiban dalam usaha menghiasi sesuatu karya. Antara lain hiasan-hiasan yang dihasilkan akan membezakan taraf dalam masyarakat mahupun menggambarkan nilai-nilai estetika yang sememangnya sudah ada dalam diri seseorang Melayu.

Gallop(2002) menyatakan tentang kedudukan hiasan dalam kitab-kitab di dunia Melayu ditemui pada halaman hadapan, tengah-tengah dan bahagian akhir teks. Perkara yang sama jugadisebut oleh Dzul (2007), tentang kedudukan hiasan dalam manuskrip Al- Quran adalah di bahagian hadapan, tengah dan belakang. Namun begitu, hiasan untuk kitab maulid tidak mempunyai ketetapan mengikut ayat atau surah seperti Al-Quran. Hiasan dalam kitab maulid mengikut ayat –ayat untuk bacaan memperingati Rasulullah



Kitab Maulid (MSS2473)
Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia


Gambar 2 Contoh Kitab Maulid di Bahagian Hadapan

Kitab Maulid MSS2473 adalah di antara contoh kitab yang mempunyai hiasan pada bahagian hadapan. Kebanyakan kitab maulid ini bersifat simetri iaitu hiasan pada bahagian atas sahaja Bilangan kitab maulid yang berhias penuh pada bahagian ke semuadi jidar kepala, ekor , luar dan dalam agak terlalu sedikit. Tebar layar atau kubah ini dipenuhi dengan hiasan motif sulur yang memenuhi ruang sepenuhnya.

**Gambar 3 Contoh Kitab Maulid di Bahagian Tengah**


Hiasan bahagian tengah untuk kitab maulid tidak dalam seperti hiasan Al Quran kerana tidak mempunyai ketetapan. Kebiasaannya hiasan dibuat pada bahagian ayat permulaan bagi ayat-ayat yang mengagungkan Rasulullah s.a.w. Hiasan dalam kitab maulid ini agak sederhana kerana tumpuan hanya diberikan pada jidar kepala sahaja. Bingkai yang bergaris halus tanpa tebar layar atau kubah pada jidar luar, jidar ekor dan jidar dalam.

Gallop (2002) menambah bahawa sesetengah manuskrip mempunyai hiasan pada beberapa halaman akhir dan mengandungi kolofon di bahagian akhir. Kolofon dalam manuskrip Melayu bermaksud dua halaman berhias dan sering kali ia berbentuk segi tiga menirus ke bawah sehingga ke satu titik. Kolofon yang sentiasa terdapat dalam manuskrip Islam di seluruh dunia (Gallop, 2002)

**Gambar 4 Contoh Kitab Maulid di Bahagian Belakang**

Di antara ciri-ciri kolofon dalam kitab maulid MSS 2473 adalah teks kolofon segi tiga diapit dengan hiasan di kedua-dua sisi. Di bahagian bawah komposisi tiga segi ini ialah jidar bawah biasanya berpetak. Kolofon pada kitab maulid ini terdapat ‘hiasan hujung’ berhias di jidar bawah bagi mencerminkan ciri-ciri ‘hiasan kepala’ iaitu dengan lengkung tengah yang menurun ke bucu dan diapit oleh dua lengkung separa yang menurun dan bertemu dengan bahagian bawah jidar.


Penyusunan rekaletak juga memainkan peranan penting dalam memperindahkan lagi sesuatu manuskrip. Dalam format reka letak, Dzul (2007) menjelaskan bahawa kesemua format reka letaknya dalam bentuk segi empat tepat dan menegak. Menurut beliau lagi, bentuk sedemikian digunakan untuk membentuk bingkai pada kandungan teks di dalamnya. Bingkai penuh dengan hiasan sehingga ke bahagian jidar. Ada juga bingkai yang berlapis kerana garisan tepi beralun atau berombak tetapi bersirat bentuk asal pada setiap jidar menghasilkan bentuk bujur. Hiasan begini menghasilkan hiasan mewah dengan motif-motif flora tetapi ciri-ciri Melayu masih terus dikekalkan. Muji’zah pula menyatakan, biasanya bingkai dibuat dari dua garis ganda yang dalamnya dihiasi dengan pelbagai motif.



GambAR 5 Contoh Kitab Maulid di Bahagian Belakang

Berdasarkan kitab maulid MSS2874 menunjukkan terdapatnya dua bingkai pada karya ini iaitu pada a dan b. Bingkai yang penuh dengan hiasan motif memenuhi keseluruhan karya sehingga ke bahagian jidar. Dalam karya ini juga terdapat bingkai teks di bahagian tengah yang diwarnakan dengan warna merah. Hiasan mewah memenuhi seluruh ruang dalam bingkai sehingga ke dalam kubah pada jidar kepala, ekor dan luar malahan terdapat juga ada jidar tetulang kerana pertembungan garisan yang bermotifkan potong wajik (c).


Gallop (2002) dalam hiasan kitab terdapat bingkai yang mempunyai hiasan yang bersimetri kiri dan kanan. Bingkai jenis ini yang agak ringkas. Hiasannya tertumpu kepada jidar kepala melengkung di atas teks. Malahan, tiga sisi lain teks tidak mempunyai hiasan langsung.



Gambar 6 Contoh Reka letak Kitab

Kitab maulid MSS219 adalah contoh kitab yang bersifat simetri kiri dan kanan. Hiasan yang ringkas penuh di bahagian jidar kepala sahaja. Penggunaan garisan menghasilkan bingkai tidak berhias pada bahagian lain. Pada bahagian teks tidak ada sebarang hiasan tetapi dibahagikan kepada dua kolumn untuk meletakkan ayat bacaan ringkas

Dalam reka letak manuskrip ini, terdapatnya tiang di bahagian bingkai teks di jidar tertulang dan satu lagi di bahagian jidar luar (Dzul,2007). Malahan gambaran yang ketara pada tiang-tiang ini lebih ketara dan menguasai keseluruhan rekaletak.Dalam ragam hias kitab maulid, ciri-ciri hiasannya juga merangkumi tiang yang dibahagikan dua jenis iaitu tiang tebal dan tiang nipis. Ciri-ciri ragam hias yang menggunakan tiang tebal yang boleh dikenalpasti dengan hiasan yang mudah dan tidak serumit hiasan pada gaya tiang nipis. Motif –motif hiasan yang lebih besar , mudah dan tidak rumit




Gambar 7 Contoh Hiasan Tiang Tebal dalam Kitab Maulid

Gaya tiang hias Al-Quran yang dikaji oleh Dzul Haimi Md Zain (2007) boleh dijadikan sebagai contoh dalam melihat hiasan kitab maulid Penggunaan tiang yang tebal terdapat dalam kitab maulid MSS1624 dengan meetakkan hiasan yang ringkas dan sederhana. Kubah berada di tengah tengah sahaja dengan lingkaran motif paku pakis. Manakala motif dalam tiang tebal adalah bermotifkan pokok menjalar dengan bunga pecah empat.

Menurut Dzul (2007), untuk mengenali gaya tiang yang nipis adalah hiasan yang halus dan penuh. Motif-motif hiasan yang lebih kecil dan rumit. Kebiasaannya akan kelihatan kubah yang berleher di bahagian jidar kepala,jidar kepala dan jidar ekor. Kitab Maulid MSS2874 adalah di antara contoh yang menggunakan tiang halus. Hiasan dengan motif sulur bayung memenuhi keseluruhan dalam ruang termasuk kubah yang berada di bahagian jidar kepala, ekor dan luar, Dalam kitab maulid MSS2874 juga diletakkan motif potong wajik di tengah-tengah yang menghasilkan keseimbangan.




Kitab Maulid (MSS2874)
Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia



Gambar 8 Contoh Hiasan Tiang Nipis dalam Kitab Maulid

Dalam komposisi rekaletak ini akan disusunkan dalam bentuk segi empat tepat dan tegak serta berbingkai yang berhias indah. Pengkarya-pengkarya Melayu menitikberatkan keselesaan pembaca. Oleh yang demikian mereka telah meletakkan komposisi format rekaletak dengan dapatnya jidar. Jidar adalah ruang yang terdapat di sekeliling surat atau muka surat dalam buku (Dewan Bahasa dan Pustaka; Edisi Keempat). Jidar biasanya digunakan adalah jidar kepala,jidar ekor, jidar luar dan jidar dalam. Menurut Dzul Haimi (2007), jidar dalam atau juga dikenali dengan jidar tulang. Kebiasaannya. jidar tulang ini jarang sekali mempunyai sebarang hiasan. Walaupun terdapat hiasan pada jidar tulang atau jidar dalam sama sekali tidak mengganggu reka letak dalam manuskrip ini.

Penggunaan jidar dalam kitab maulid MSS1442 adalah kaedah yang biasa ditemui di dalam manuskrip Al-Quran di alam Melayu. Jidar kepala , jidar ekor, jidar luar dan jidar dalam sememangnya biasa kita temui sama sekali tidak menimbulkan masalah kepada pembaca melihat karya secara keseluruhan. Hiasan pada jidar dalam atau jidar tertulang sama sekali tidak diletakkan sebarang hiasan. Susunannya lebih kemas dan bersih.



Kitab Maulid (MSS1442)
Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia

Petunjuk::

1. Jidar kepala
2. Jidar Ekor
3. Jidar luar
4. Jidar dalam/jidar tulang

Gambar 9 Contoh Kedudukan Jidar Dalam Kitab Maulid – Tanpa Hiasan Pada Jidar Tengah

Dalam kitab maulid MSS2874, penggunaan jidar kepala, jidar ekor,jidar luar dan jidar dalam juga digunakan. Dalam kitab ini terdapat jidar dalam yang terhasil dari pertembungan


hujung motif potong wajik dalam karya. Namun hiasan ini sama sekali tidak mengganggu ruang bacaan atau hiasan yang lain.



Gambar 11 Contoh Kedudukan Jidar Dalam Kitab Maulid – Mempunyai Hiasan Pada Jidar Tengah


Karya manuskrip, pemilihan warna memainkan peranan penting. Warna akan mempengaruhi mempengaruhi manusia secara tidak sengaja. Hal ini berlaku kerana warna mampu untuk mempengaruhi perasaan manusia dan ditambah dengan keunikannya. Warna yang biasa digunakan dalam menghiasi manuskrip Al-Quran adalah warna biru, hijau dan merah (Dzul,2007). Bagi tujuan hiasan warna kuning kunyit akan digunakan bagi menggantikan warna emas untuk menghiasi ragamhias manuskrip. Kebiasaannya, dakwat hitam digunakan sebagai tulisan dalam Manuskrip Melayu.

Dalam hiasan kitab maulid, penggunaan warna biru, merah, hijau, kuning dan emas kelihatan ketara digunakan. Contoh kitab maulid yang menggunakan pelbagai warna adalah seperti kitab maulid MSS1624, bingainya yang berwarna kuning keemasan. Warna biru dan bagi tujuan mewarnakan daun-daun yang melingkar. Warna merah pun digunakan untuk mewarnakan bunga-bungaan dan daun-daun yang melingkar. Penggunaan ke semua warna ini telah meninggalkan kesan harmoni di dalam karya tersebut.



Gambar 12 Contoh Warna dalam Kitab Maulid

Pemilihan warna merah adalah untuk kegunaan teks awalan membaca (Dzul,2007). Menurut Gallop (2002) pula permulaan perkataaan seperti ‘al-kisah’, ‘syahdan’ atau ‘maka’ akan ditonjolkan dengan warna-warna lain. Kaedah yang sama juga dilakukan oleh pengkarya yang menghiasi kitab maulid. Permulaan ayat diwarnakan merah bagi memberikan arahan permulaan bacaan kelihatan dalam kitab maulid MSS1442. Adalah juga di dalam kitab maulid penggunaan ayat diselang seli warnanya iaitu merah dan hitam. Warna kontras ini lebih menarik perhatian berbanding teks dalam warna yang sama.



Gambar 13 Contoh Penggunaan Warna Pada Awalan Teks Kitab Maulid

Motif-motif yang paling banyak dihasilkan adalah motif-motif berkaitan tumbuh-tumbuhan. Tumbuh-tumbuhan ini akan ditiru berdasarkan yang berada di sekeliling hidup mereka sendiri. Motif-motif ini digubah melalui banyak proses modifikasi sehingga ada di antaranya sukar dikenali. Pengkarya-pengkarya yang menghasilkan motif-motif ini masih meninggalkan identiti asal motif tersebut. Penggunaan warna atau pun mana tumbuhan tersebut masih dikekalkan. Hiasan mewah dengan motif-motif flora yang masih mengekalkan cirri-ciri estetika Melayu digunakan dalam menghiasi manuskrip Melayu. Bentuk kubah atau tebar layar juga digambarkan dalam hiasan manuskrip Melayu. Bentuk kubah atau tebar layar diletakkan pada bahagian tengah jidar kepala, jidar luar dan jidar ekor. Corak islimi dihasilkan bagi gambaran mengikut ajaran Islam di Nusantara.

Unsur alam tumbuh-tumbuhan yang dilihat dan kemudian diilhamkan daripada bentuk bunga, putik, daun, ranting dan pucuk yang disusun sama ada secara tunggal, menjalar, mendatar atau bertabur. Orang Melayu menggunakan kreativiti mereka dengan yang melihat kecantikan alam yang diadaptasi dengan kehidupan mereka sendiri. Tumbuhan yang menjalar seperti tumbuhan

kekacang adalah di antara tumbuhan yang menjadi inspirasi kepada pengkarya dalam menghasilkan motif –motif mereka. Hasil modifikasi tumbuhan menjalar terhasilnya motif hiasan yang dikenali dengan nama motif sulur bayung. Motif sulur bayung dikaitkan juga sebagai tumbuhan yang saling paut memaut dan telah menimbulkan nilai-nilai estetika yang tidak melanggar tata susila masyarakat Melayu yang bersopan santun. Ragamhias motif sulur bayung ini akan saling bertautan dan dihasilkan pelbagai corak serta kepelbagaiannya mengikut kesesuaiaannya.



Gambarajah 14 Contoh Motif Sulur Bayung


Menurut .Dzul (2007) menjelaskan bahawa motif-motif sulur yang dihasilkan biasa berbeza-beza rupanya. Bentuk sulur kerap digambarkan pada jidar luar dalam hiasan manuskrip Melayu. Sulur bayung pada jidar luar biasanya lebih besar dan jelas berbanding dengan sulur pada jidar kepala dan jidar ekor. Jidar kepala dan jidar ekor biasanya lebih kecil dan tersirat.



Gambar 15 Contoh Motif Sulur Bayung pada Kitab Maulid


Kedudukan sulur bayung yang menghiasi kitab maulid MSS1853 tidak hanya pada jidar luar, jidar ekor atau jidar dalam. Motif sulur bayung boleh digunakan pada jidar kepala sahaja. Pada bahagian ini terdapatnya kubah yang menghiasi ruangan ini. Sifat menjalaranya sahaja masih kekal pada sifat asal manakala yang lain telah berlaku proses modifikasi,

Penggunaan pelbagai motif organik dan geometrik dalam hiasan kitab maulid berada di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Bunga-bunga juga sebahagian daripada hiasan yang terdapat dalam hiasan surat-surat. Bunga matahari, bunga tanjung, bunga kecil emas, bunga melati, untaian bunga ros dan sebagainya.



Gambar 16 Contoh Motif Organik dalam Kitab Maulid

Hiasan dalam manuskrip kitab maulid juga dipengaruhi dengan reka bentuk senibina rumah Melayu. Tevar layar atau kubah potong bawang akan kelihatan pada bahagian jidar kepala, jidar ekor dan jidar luar. Dalam kajian berkaitan manuskrip al- Quran (Dzul.2007) terdapatnya hiasan pada tebar layar sehingga ke pucak tebar layar. Puncak tebar layar ini dikenali sebagai buah butung yang banyak terdapat dalam seni bina rumah Melayu tradisi terutamanya di pantai timur dan selatan Semenanjung Malaysia (Dzul, 2007). Penggunaan motif buah butung (buah buton) juga terdapat dalam hiasan kitab maulid. Biasanya kedudukan motif ini berada di puncak tebar layar.



Kitab Maulid (MSS1624)


Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia

Buah Butung/Buah Buton



Contoh Kubah Potong Bawang.

Buah Butung/Buah Buton



Contoh Tebar Layar

Kitab Maulid (MSS311)

Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia

Gambar 17 Contoh Kubah dan Tebar Layar pada Kitab Maulid

Dalam ragam hias kitab maulid, hiasan lebih ketara di bahagian jidar kepala. Dalam hiasan Al-Quran (2007), hiasan kubah atau tebar layar di ketiga-tiga jidar. Kebiasaannya hiasan penuh dengan bunga melingkar memenuhi keseluruhan kubah dan tebar layar. Warna-warna pada tebar

layer atau kubah ini lebih mewah dengan perlbgai warna. Di bahagian atas kubah dan tebar layer ini terdapatnya buah butung atau juga dikenali sebagai buah buton atau mahkota atap mengikut sesetengah tempat. Di dalam seni bina, buah buton atau mahkota atap ini dihasilkan bagi tujuan tertentu tetapi berkemungkinan di dalam manuskrip lebih bertujuan untuk keindahan semata-mata.

KESIMPULAN

Kebanyakan manuskrip di Kepulauan Melayu telah menggambarkan kebudayaan Islam. Penggunaan tulisan Jawi atau Rumi ditulis kemas untuk memberikan maklumat sebenar dalam kehidupan masyarakat Nusantara. Teknik ini tidak hanya digunakan dalam penghasilkan manuskrip agama tetapi juga manuskrip sekular seperti manuskrip perubatan, warkah-warkah, syair dan sebagainya. Nilai-nilai estetika dan estetika Melayu yang beragama Islam digambarkan dengan jelas dalam ragamhias karya. Ragam hias dilukis dengan indah serta menepati kehendak ajaran Islam adalah gambaran tauhid.. Karya-karya yang dihasilkan adalah gambaran pengabdian kepada Yang Maha Esa.

RUJUKAN:

Abd Rasid Ismail,2014. Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi.UiTm Press, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor.

Al- Faqir Ilallah Al – Qawiy Muhammad Fuad bin Kamaludin Al-Maliki(2009). *Mauli Barzanji*. Kuala Lumpur : As Sofa

Gallop, A.T., 1994. Warisan Warkah Melayu,British Library

Gallop, A.T. (2004). *Seni Naskhah Islam di Asia Tenggara dalam buku Bulan Sabit*,Seni dan Peradapan Islam di Asia Tenggara (Bab 5). Adelaide: Art Gallery of South Australia

James Bennett, 2006. Crescent Moon, Islamic Art & Civilisation in Southeast Asia. Art Gallery of South Australia,Adelaide and National Gallery of Australia, Canberra.

Dzul Haimi Md Zain et.al. ,(2007). Ragamhias Al – Quran di Alam Melayu. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.

Haziyah Hussin, 2010. Perbandingan Reka bentuk Corak dan Motif Melayu dalam Tekstil dan Ukiran Kayu artikel dalam buku Warisan Seni Ukir Kayu Melayu. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Katalog Pameran, Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam. ;Sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera 2003. Perpustakaan Negara

Katalog Manuskrip Melayu di Belanda, 1983. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Mu'jizah (2009). *Iluminasi dalam Surat-Surat Melayu Abad ke -18 dan ke -19*. Jakarta.Kepustakaan Populer Gramedia.

Rozimah Bidin, Salawati Abdul Wahab dan Siti Hajar Abdul Rahman,2009. Kertas Kerja : Simbol Alam Dalam Ragamhias Melayu Tradisi, SeminarAlam Bina, Universiti Teknologi Mara Perak.

Warisan Manuskrip Melayu ,2002. Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia

Ab.Razak bin Ab.Karim (2009). “Seni Hias dalam Warkah –warkah Melayu Lama” dalam Prosiding Antarabangsa Kesenian ‘Seni Dekorasi: Pelestarian dan Pembangunan. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hlm: 45-63.

Ab.Razak bin Ab.Karim (2013). Warkah Raja-Raja Melayu, Struktur, Stilistik Dan Nilai Estetika. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.